

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER
A/L RAJAJI [JELUTONG]**

TARIKH : 16 JULAI 2019

SOALAN NO. 53

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilakah kerja-kerja pembinaan tempat letak kereta di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang dijangka siap dibina.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) sedia ada telah mengendalikan seramai 7.8 juta penumpang pada 2018. Bagi memastikan keselesaan penumpang, MAHB telah menjalankan pembangunan naiktaraf tempat letak kereta di LTAPP. Projek Pembinaan Bangunan Letak Kereta Bertingkat di LTAPP telah bermula pada bulan Ogos 2018 dan kerja-kerja pembinaan dianggarkan mengambil masa 14 bulan dan dijangka siap dan beroperasi pada suku pertama tahun 2020.

2. Bangunan letak kereta bertingkat tersebut akan menyediakan anggaran sebanyak 2,412 lot petak pemakiran kenderaan. Dengan siapnya fasiliti ini pastinya akan memberi kemudahan yang selesa dan selamat kepada para pengguna.

Sekian, terima kasih.